

Guide for Success Stories (Q1- 2016)

Panduan untuk Kisah Kejayaan

The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyelia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	Pi1M Felda Jengka 3
Location Lokasi	<i>Region, state, district, sub-district, village Wilayah, negeri, daerah, mukim, kampung</i> Wilayah Jengka, Pahang, Maran, Chenor, Kg Jengka 3
Name of person(s) Nama	<i>(may be individual or group) Sama ada perseorangan atau berkumpulan</i> Puan Sahimah Bt Mat Sarif
Details of person (s) Butiran diri	<i>Age, gender, education level, occupations Umur, jantina, taraf pendidikan, pekerjaan.</i> 44 tahun (wanita)
Success story Kisah kejayaan	<p>1. <i>How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda</i></p> <p>Saya mendaftar sebagai ahli Pusat Internet 1Malaysia Felda Jengka 3 pada 23 Februari 2014 untuk menyertai Program 1MTRIS yang telah diadakan disini. Melalui program tersebut saya telah belajar mengenai asas komputer seperti pengenalan kepada komponen komputer dan fungsinya, belajar untuk buka dan tutup komputer, belajar cara pegang tetikus dan sebagainya.</p> <p>Pada awalnya saya berasa agak kekok kerana tidak biasa menggunakan komputer tetapi petugas di pusat internet telah memberi tunjuk ajar dan semangat kepada saya supaya belajar dengan baik kerana banyak faedah dan kepentingan untuk mengenali komputer. Akhirnya saya berasa sangat seronok kerana belajar sesuatu yang baru.</p> <p>Saya juga diberikan pendedahan untuk menggunakan internet serta belajar untuk membuka akaun Gmail dan Facebook. Sekarang saya lebih memahami</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>fungsi dan kelebihan menggunakan internet serta memiliki akaun Gmail dan Facebook yang membolehkan saya menghubungi rakan dan sanak-saudara yang jauh.</p> <p>Selain itu, saya juga dapat memuat turun gambar-gambar di dalam Facebook serta dapat berkongsi maklumat dengan rakan-rakan yang lain. Di Facebook juga saya dapat memperoleh maklumat mengenai pelbagai perkara melalui halaman yang saya suka seperti halaman masakan, halaman dakwah, halaman kerajaan, halaman kesihatan dan sebagainya.</p> <p>Saya juga menggunakan kemudahan yang disediakan di pusat internet ini untuk belajar lebih mendalam lagi berkenaan komputer dan internet kerana saya mempunyai perniagaan Spa yang diusahakan secara kecil-kecilan sejak setahun yang lalu. Saya menggunakan medium sosial ini untuk mempromosikan perniagaan saya yang terletak di Felda Jengka 3.</p> <p>Di samping itu, baru-baru ini saya telah diperkenalkan oleh petugas Pi1M dengan sistem Dashboard (myshop) yang membolehkan saya memuat turun gambar dan info berkaitan perniagaan saya. Keadaan ini meningkatkan rangkaian pemasaran perniagaan saya. Justeru, saya berharap perniagaan spa ini akan mendapat sambutan yang hangat di kalangan masyarakat.</p> <p>2. <i>How did your life improved after learning how to use the internet</i> <i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p> <p>Setelah belajar lebih mendalam lagi mengenai ICT di pusat internet, saya telah menggunakan ilmu yang dipelajari untuk meningkatkan promosi perniagaan Spa dimana penduduk sekitar Jengka 3 lebih mudah untuk mengetahui maklumat mengenai perniagaan saya di medium sosial seperti Facebook. Saya sentiasa mengemaskini maklumat perniagaan saya seperti waktu operasi, jenis-jenis perkhidmatan yang disediakan serta gambar yang berkaitan.</p> <p>Saya juga menggunakan Facebook sebagai alternatif lain selain telefon untuk menghubungi rakan serta keluarga yang jauh untuk bertanya khabar dan mengetahui perkembangan semasa selain dapat mengeratkan lagi hubungan.</p> <p>Saya akan berkunjung ke Pusat Internet 1Malaysia Felda Jengka 3 jika memerlukan bantuan petugas dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang berkaitan komputer dan internet.</p>
<p>Keterangan gambar Photo caption</p>	<p><i>Describe activity and person(s) in every photo provided</i> <i>Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</i></p>

ITEM
JENIS

INFORMATION
MAKLUMAT



Pn Sahimah (Duduk dari kiri) bergambar kenangan dalam Program 1MTRIS



Pn Sahimah sedang belajar mencipta akaun email dan facebook

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
---------------	-------------------------



Perniagaan Spa Pn Sahimah di Jengka 3

Photo caption names	<p><i>Names of significant people in the photo (from left to right)</i> <i>Nama-nama orang yang berkepentingan di dalam gambar (dari kiri ke kanan)</i></p>
----------------------------	--

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Keterangan gambar berserta nama	
Feedback Maklumbalas	<p>1. <i>What was your first impression towards PI1M?</i> <i>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i></p> <p>Pada mulanya, saya berpendapat Pusat Internet 1Malaysia FelDa Jengka 3 merupakan satu tempat yang hanya menyediakan perkhidmatan internet. Namun, sebaliknya pusat internet ini menyediakan pelbagai perkhidmatan lain seperti photostat, mencetak, laminat, bind, pembayaran bil, kelas belajar komputer dan lain-lain. Pusat internet ini memberi peluang kepada penduduk setempat untuk menjadi komuniti yang celik IT dengan bayaran keahlian sebanyak RM5.00 sahaja. Setelah menjadi ahli, mereka boleh menghadiri kelas komputer secara percuma untuk meningkatkan lagi kemahiran menggunakan komputer supaya penduduk di setiap peringkat umur terutamanya warga emas di kawasan ini celik IT.</p> <p>2. <i>What attracted you to come and use the facilities in PI1M?</i> <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i></p> <p>Tarikan utama bagi saya untuk datang ke Pi1M adalah penggunaan internet serta menggunakan kemudahan photostat, pembayaran bil dan lain-lain. Harga yang ditawarkan disini sangat berpatutan dan memudahkan saya serta penduduk kerana sebelum ini kami terpaksa ke bandar yang terletak lebih kurang 12 km untuk menggunakan perkhidmatan ini.</p> <p>Selain itu, saya juga berkunjung ke Pi1M untuk menghadiri kelas-kelas komputer yang diadakan secara percuma untuk ahli. Saya dapat menambah kemahiran menggunakan komputer serta internet dan seterusnya memudahkan saya menguruskan perniagaan yang saya ceburi.</p> <p>Ini memberi peluang kepada penduduk yang berpendapatan sederhana untuk belajar komputer dan menikmati perkhidmatan yang disediakan dengan harga yang berpatutan.</p> <p>3. <i>How can PI1M help others to be successful?</i> <i>Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p> <p>Pi1M dapat membantu penduduk setempat untuk mempelajari kemahiran menggunakan komputer bermula dari asas komputer hingga boleh menggunakan komputer dengan lebih mahir. Selain itu, mereka boleh juga belajar untuk melayari internet, mendaftar akaun gmail, facebook dan mereka cipta blog. Mereka hanya perlu menjadi ahli Pi1M dan kelas komputer boleh dihadiri dengan percuma.</p> <p>Selain itu, terdapat sistem baru di Pi1M iaitu 'Dashboard' yang membolehkan ahli Pi1M memasarkan produk mereka di dalam myshop. Hal ini meluaskan</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>pemasaran jualan terutamanya bagi usahawan baru.</p> <p>4. <i>Can you suggest improvement to be made to PI1M? (facilities, training activities, promotions, etc)</i> <i>Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.</i></p> <p>Pada pandangan saya, kemudahan yang sedia ada perlu ditingkatkan seperti kelajuan internet. Kelajuan internet di tahap yang baik , tetapi jika pengguna terlalu ramai pada satu-satu masa, kelajuan akan terjejas. Kelajuan internet di tiang-tiang wifi juga perlu ditingkatkan kerana sering menghadapi masalah. Selain itu, pihak Pi1M perlu memperbanyakkan aktiviti dan program yang bersesuaian untuk menarik minat lebih ramai komuniti setempat berkunjung ke Pi1M.</p>

PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT

SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) & GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN